

Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia Ke-194 dan Ke-195

MPS pada mesyuarat ke-194 bertarikh 25 Jun 2019 dan mesyuarat ke-195 bertarikh 31 Julai 2019 telah memutuskan perkara berikut:

Pematuhan Produk Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) Terhadap Dokumen Polisi *Rahn* (PD *Rahn*)

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-194 bertarikh 25 Jun 2019 memutuskan bahawa struktur semasa produk ar-rahnu yang ditawarkan oleh institusi kewangan Islam (IKI) berasaskan gabungan kontrak *qard* (pinjaman), *rahn* (cagaran), *wadi'ah* (simpanan) dan *ujrah* (upah simpan) tidak memenuhi keperluan Syariah yang ditetapkan dalam PD *Rahn* berdasarkan hujah-hujah berikut:

- (i) Keberkaitan dan kebergantungan kontrak, *rahn*, *wadi'ah* dan *ujrah* dengan kontrak *qard* dalam struktur produk ini menimbulkan isu *qard jarra naf'an* (pinjaman yang menjana manfaat kepada pemberi pinjam) dan *bai' wa salaf* (gabungan kontrak jual beli dan pinjaman) yang tidak dibenarkan Syarak. Dalam struktur produk ini, salah satu kontrak tidak akan efektif tanpa kewujudan kontrak lain. Sebagai contoh, *qard* hanya diberikan dengan syarat pelanggan menyimpan emas dan membayar upah simpanan emas tersebut. Hal ini secara tidak langsung mewujudkan keberkaitan antara *qard* dan caj upah simpan yang membawa kepada isu *qard jarra naf'an*; dan
- (ii) Kombinasi *rahn* dan *qard* dalam produk ar-rahnu bagi menjana keuntungan tidak menepati objektif kontrak (*muqtada`aqd*) *rahn* dan *qard* memandangkan objektif asal kedua-dua kontrak adalah untuk cagaran dan kebajikan (*charity*).

MPS pada mesyuarat ke-195 turut memutuskan perkara-perkara berikut:

- (i) Tarikh kuatkuasa keputusan MPS pada mesyuarat ke-194 bertarikh 25 Jun 2019 berhubung produk ar-rahnu yang menggunakan struktur di atas adalah pada 1 Februari 2020;
- (ii) IKI dibenarkan secara sementara menggunakan pandangan Jawatankuasa Syariah (JKS) masing-masing berkenaan produk ar-rahnu sehingga tarikh keputusan MPS berkuatkuasa; dan
- (iii) Pembiayaan ar-rahnu yang berdasarkan keputusan terdahulu JKS IKI yang masih tertunggak dan sebarang penawaran baru sebelum tarikh berkuatkuasa keputusan MPS termasuk pendapatan yang diperolehi daripada portfolio tersebut, boleh diteruskan sehingga ianya matang.

Latar Belakang


- Produk ar-rahnu adalah alternatif kepada amalan pajak gadai konvensional yang melibatkan riba.
- Secara umumnya, produk ar-rahnu yang ditawarkan oleh IKI melibatkan empat kontrak Syariah iaitu *qard* (pinjaman), *rahn* (cagaran), *wadi'ah* (simpanan) dan *ujrah* (upah simpan). Pembiayaan berasaskan ar-rahnu dilaksanakan melalui proses pencagaran emas yang diterima sebagai syarat bagi pinjaman yang akan diberikan oleh IKI. IKI akan menyimpan aset cagaran tersebut berdasarkan konsep *wadi'ah* dan caj upah simpan akan dikenakan ke atas perkhidmatan tersebut.

- Bank Negara Malaysia telah menerbitkan PD *Rahn* (berkuatkuasa 1 Ogos 2019) yang menggariskan keperluan Syariah dan operasi berkaitan dengan kontrak *Rahn*. Dalam hal ini, keperluan yang ditetapkan dalam PD *Rahn* adalah terpakai bagi penawaran produk ar-rahnu memandangkan ia menggunakan kontrak *rahn*.
- PD *Rahn* menetapkan bahawa caj yang dikenakan berkaitan kontrak *rahn* mestilah terhad kepada kos yang berkait langsung dengan transaksi *rahn* tanpa sebarang elemen keuntungan.
- Berdasarkan perkara tersebut, terdapat persoalan berkenaan status kepatuhan Syariah produk ar-rahnu sedia ada terhadap keperluan PD *Rahn*. Sehubungan itu, MPS telah dirujuk berkenaan perkara di atas.

Isu Syariah

Adakah produk ar-rahnu sedia ada memenuhi keperluan Syariah?

Ilustrasi Struktur Produk Ar-Rahnu



Isu Utama Perbincangan MPS

Kebergantungan dan persyaratan antara *qard* dengan kontrak upah simpanan aset cagaran

- Dalam struktur ar-rahnu, hanya pelanggan yang menyimpan dan mencagarkan emas mereka kepada IKI akan layak untuk mendapatkan pinjaman dari IKI. Upah bagi perkhidmatan penyimpanan emas akan dikenakan kepada pelanggan bergantung kepada nilai emas yang dicagarkan.
- Berdasarkan amalan tersebut, didapati terdapat persyaratan dan kebergantungan yang jelas antara kontrak *qard* dan kontrak upah perkhidmatan simpanan yang dimeterai antara pihak IKI dan pelanggan.

Elemen keuntungan dalam upah simpanan ke atas aset cagaran

- Dalam amalan semasa, kadar upah simpanan emas yang dikenakan oleh IKI kepada pelanggan ditentukan berdasarkan nilai emas yang dicagarkan. Kaedah penentuan kadar upah simpanan ini didapati mengandungi elemen keuntungan dan ini adalah tidak selaras dengan keperluan Syariah yang hanya membenarkan pengenaan caj simpanan berdasarkan kos yang berkait langsung dengan transaksi *rahn* sahaja.
- Berdasarkan amalan dalam industri perbankan Islam, kebanyakan produk pembiayaan yang ditawarkan IKI menggunakan kontrak jualan (*bai`*) atau sewaan (*ijarah*) bagi menjana keuntungan. Dalam hal ini, keuntungan yang terhasil daripada kedua-dua kontrak tersebut adalah harus disisi Syarak.
- Ini berbeza dengan produk ar-rahnu sedia ada yang menggunakan kontrak *qard* (pinjaman) sebagai kontrak utama. Mengikut perspektif Syariah, pemberi pinjam tidak dibenarkan mengambil jumlah yang melebihi nilai pinjaman yang diberikan sama ada secara langsung atau tidak langsung, kerana ia menjana manfaat kewangan kepada pemiutang.

Asas Pertimbangan

Status pematuhan produk ar-rahnu

- Gabungan kedua-dua kontrak *qard* dan *rahn* dengan tujuan menjana keuntungan adalah bertentangan dengan objektif kontrak tersebut. Kontrak *qard* merupakan kontrak *tabarru`at* (bersifat kebajikan) dan *rahn* merupakan kontrak cagaran. Objektif asal kedua-dua jenis kontrak ini bukanlah untuk menjana keuntungan seperti mana tujuan kontrak jual beli (*bai`*), pelaburan (*mudarabah* dan *wakalah bil istithmar*) atau upah (*ujrah* atau *ijarah khadamat*).
- PD *Rahn* menetapkan bahawa caj yang boleh dikenakan kepada pencagar hanyalah kos yang berkait langsung dengan penyimpanan aset cagaran.¹ Dalam hal ini, sebarang caj yang melebihi kos langsung adalah tidak dibenarkan kerana ia akan membawa kepada penjanaan keuntungan yang mana ia bertentangan dengan objektif asal kontrak *rahn*.²
- Keberkaitan dan kebergantungan antara kontrak *qard*, *rahn*, *wadi`ah* dan *ujrah* dalam struktur produk ini menimbulkan isu *qard jarra naf`an* (pinjaman yang menghasilkan manfaat kepada pemberi pinjam) dan *bai` wa salaf* (gabungan kontrak jual beli dan pinjaman) yang tidak dibenarkan Syarak.

عن علي رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: كل قرض جر منفعة فهو ربا

“Daripada Ali r.a berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: Setiap *qard* yang menjana manfaat (kepada pemberi *qard*) adalah *riba*.”³

- Di samping itu, kaedah pengenaan upah simpanan berdasarkan nilai aset cagaran dalam produk ar-rahnu yang didapati mempunyai elemen keuntungan kepada IKI turut membawa kepada isu *qard jarra naf`an* dan *bai` wa salaf* yang dilarang Syarak.

¹ Polisi Dokumen *Rahn*, Perenggan 16.1:

Expenses in rahn are categorised into–

(a) *expenses incurred that are directly related to the maintenance of collateral; and*

(b) *all other expenses incurred that are directly related to the rahn contract including safekeeping, documentation, liquidation and discharging of collateral.*

² Polisi Dokumen *Rahn*, Perenggan 5.2:

“direct cost” refers to costs that are directly related to the rahn transaction, either based on actual or estimated amount, without any profit or mark-up element;

³ Ibnu Hajar al-Asqalani, *Bulugh al-Maram min Adillah al-Ahkam*, Matba`ah al-Salafiyah, 1928, h. 176.

Rasional dan kesan penguatkuasaan keputusan MPS

- Keputusan MPS berkenaan pematuhan produk ar-rahnu terhadap keperluan PD *Rahn* akan berkuatkuasa pada 1 Februari 2020. Keputusan ini adalah berdasarkan kepada pertimbangan untuk memelihara kemaslahatan umum (مصلحة عامة) dan memastikan kestabilan dan kelangsungan muamalat (*istiqrar ta`amul*).
- Pembiayaan ar-rahnu yang masih tertunggak dan sebarang penawaran baru sebelum tarikh berkuatkuasa keputusan MPS termasuk pendapatan yang diperoleh daripada portfolio tersebut, boleh diteruskan sehingga matang berdasarkan keputusan terdahulu JKS IKI. Kebenaran untuk IKI meneruskan penawaran produk ar-rahnu secara sementara mengambilkira pandangan Jawatankuasa Syariah masing-masing berkenaan produk ar-rahnu (yang diterimapakai sebelum keputusan MPS ini dikeluarkan). Kebenaran ini juga adalah berdasarkan budi bicara MPS sebagai pihak berkuasa bagi penentuan hukum Syarak bagi perniagaan kewangan Islam.
- Pertimbangan supaya keputusan MPS tidak memberi kesan secara retrospektif terhadap penawaran produk ar-rahnu yang ditawarkan sebelum berkuatkuasanya keputusan tersebut adalah berdasarkan maslahat dan mengangkat kesulitan (*raf` al-haraj*) yang melampau.

Implikasi Keputusan MPS

- Penilaian dan penstrukturan semula produk ar-rahnu perlu dilakukan bagi memastikan produk tersebut mematuhi keperluan Syariah yang digariskan dalam PD *Rahn*.
- Produk ar-rahnu yang sedia ada boleh ditawarkan sepanjang tempoh peralihan yang diberikan dan pendapatan daripada fasiliti ini boleh diiktiraf oleh IKI sebagai pendapatan patuh Syariah.

Keputusan ini akan berkuatkuasa pada 1 Februari 2020 bagi produk Ar Rahn yang menggunakan struktur di atas.

IKI perlu mematuhi peraturan ini menurut seksyen 28(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 atau seksyen 33D(1) Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, mengikut mana-mana yang berkenaan.